

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
(NIBONG TEBAL)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pengurusan harta di mana hanya empat juta daripada 14 juta pencarum KWSP yang meletakkan nama bagi caruman mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspek pengurusan harta adalah merupakan salah satu elemen dalam perancangan kewangan bagi memenuhi keperluan kewangan seseorang individu. Perancangan kewangan turut merangkumi skop-skop yang lain seperti pengurusan aliran tunai (bajet), perancangan persaraan,

perancangan cukai dan urusan pemilikan dan pembahagian aset. Secara amnya, salah satu faktor utama yang boleh menyumbang kepada kurangnya pengetahuan dan kesedaran berkaitan perancangan kewangan ialah tahap celik kewangan yang rendah di kalangan rakyat Malaysia. Berdasarkan kaji selidik (*survey*) yang dijalankan oleh World Bank, didapati hanya 1 daripada 3 rakyat Malaysia yang mempunyai tahap celik kewangan yang memuaskan.

Sebagai langkah untuk meningkatkan tahap celik kewangan rakyat Malaysia, Kerajaan melalui inisiatif yang diteraju oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sedang merangka strategi lima tahun bertujuan mempertingkatkan kadar celik kewangan bersandarkan kepada tiga teras utama, iaitu kejelasan, kerjasama dan komitmen. Pelaksanaan strategi nasional ini akan diselaraskan kepada aspirasi jangka panjang kerajaan di bawah inisiatif Kluster Kewangan Transformasi Nasional 2050 (TN50) dalam mencapai matlamat membentuk masyarakat yang memiliki tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab, keupayaan mengurus kewangan dengan baik dan membolehkan masyarakat mencapai keselamatan kewangan.

Sistem Penamaan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan satu kemudahan bagi ahli KWSP menamakan individu /

individu-individu atau institusi yang diluluskan oleh Lembaga KWSP sebagai penama / pentadbir (wasi) untuk menerima / mentadbir simpanan KWSP bagi memudahkan pengagihan simpanan kepada waris terdekat, apabila ahli meninggal dunia.

Mulai 1 Januari 2018, Amanah Raya Berhad (ARB) menjadi institusi yang diluluskan oleh KWSP untuk dilantik sebagai penama / pentadbir atau pemegang amanah kepada simpanan KWSP. Oleh itu, ahli KWSP mempunyai pilihan untuk menamakan mana-mana individu atau ARB untuk menguruskan simpanan apabila ahli meninggal dunia. Berdasarkan statistik setakat 31 Januari 2018, seramai 4.17 juta ahli (29.92% berbanding jumlah keseluruhan ahli KWSP seramai 13.76 juta ahli) yang telah membuat penamaan.

Bagi meningkatkan kesedaran ahli dalam membuat penamaan bagi memudahkan urusan pembahagian dan pentadbiran simpanan KWSP kepada penama / pentadbir setelah ahli meninggal dunia, KWSP giat mengadakan kempen-kempen penamaan di media elektronik dan media cetak selain promosi semasa sesi turun padang (*outreach*) yang dijalankan di seluruh negara sepanjang tahun.